

# Temu Santai Alumni pererat alumni UMS

UB 10.2.2014 A4


KOTA KINABALU: Satu majlis Temu Santai Alumni atau ‘meet & greet’ dikalangan alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) diadakan pada 28 Januari lalu bertempat di Anjung Siswa UMS.

Majlis yang dianjurkan oleh Pusat Alumni UMS itu dilancarkan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof Madya Datuk Dr Kassim Hj Mansur, mewakili Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Dalam ucapannya, Kassim menyatakan rasa bangga atas penganjuran majlis yang julung kali diadakan itu, yang mencerminkan pengurusan alumni sistematis di universiti berkenaan.

“Saya bangga walaupun Pusat Alumni sebuah entiti baru di UMS di bawah pengarah pertamanya, tetapi menyerlahkan keupayaan dan kecemerlangannya dalam perkara mengenai pengurusan alumni UMS, yang kinimelebihi 46,000 orang,” katanya.

Beliau berkata, “Para alumni UMS seperti anda terdiri dari mereka yang berjaya dan berkerjaya dalam pelbagai sektor dan kedudukan masing-masing, oleh itu ia adalah aset penting bagi UMS, serta sebagai duta yang



**ACARA temu santai memberi peluang kepada alumni UMS berinteraksi dan bertukar fikiran ke arah kemajuan bersama.**

menyebarkan keupayaan dan cerminan kecemerlangan UMS ke seluruh dunia, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berwibawa.”

Menurut beliau lagi, alumni UMS turut tersebar di pelbagai negara termasuk China, Afrika dan negara Asean. Ini selari dengan apa yang ditekankan dalam PSPTN2 (Pelan Strategik Pengurusan Pengajian Tinggi Negara 2) yang mengiktiraf alumni sebagai elemen penting kearah kemajuan pendidikan di negara ini.

“Alumni adalah elemen dalam arus perdana pengurusan di Kementerian Pendidikan

Malaysia, dimana terbentuknya Konsortium MyAlumniCluster 3 berkaitan Jaringan Global Malaysia. Dan kita berbangga UMS turut berada dalam jawatankuasa konsortium ini, dengan pelantikan PM Dr Mahmud sebagai anggota oleh Jabatan Pengajian Tinggi Negara,” katanya.

Kassim berkata, sudah tentulah alumni yang ada dalam kampus induk UMS sendiri perlu memainkan peranan masing-masing dalam memekarkan semangat kekitaan dan kecintaan kepada universiti.

“Ini kerana anda belajar dan

menimba ilmu, dan kemudian bekerja disini. Kalau anda yang di dalam tidak merasa semangat jitu sebagai alumni, bagaimana boleh teguh kesatuan dan kekuatan alumni, apakah lagi memancarkan sinar alumni dan rasa cinta kepada alma mater, dan menyebar luas nama baik dan kesudian menghulur sumbangan kearah pembangunan UMS dan masyarakat,” katanya.

Kassim juga menyebut kejayaan-kejayaan pengurusan alumni termasuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti amal dan pendekatan kepada masyarakat. Beberapa chapter alumni UMS juga dilancarkan termasuk Zon Lembah Kelang (ibu negara), Zon Pantai Barat Sabah (Kota Kinabalu), Zon Sandakan dan yang terbaru Zon Pantai Timur Semenanjung (Pahang, Kelantan dan Terengganu).

Lebih banyak chapter lagi akan dibuka bagi mengalau-alukan permintaan oleh

## **SEBAHAGIAN para alumni mendaftar.**

alumni sendiri. Chapter-chapter ini sebagai wahana yang berhampiran bagi alumni untuk terus dekat dan rapat bersama UMS.

“Kita boleh mengambil contoh universiti-universiti ternama seperti Harvard, Oxford dan lain-lain, begitu juga universiti-universiti tempatan seperti UPM, UiTM dan lain-lain.

“Sumbangan para alumninya digembung ke arah pemerkasaan universiti baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penambahbaikan kurikulum, serta pemerkasaan bidang masing-masing, kebolehpasaran graduan muda mahupun pelaburan dan peluang-peluang keusahawanan,” katanya.

Terdahulu, Pengarah Pusat Alumni UMS Lt Kol Bersekutu (PA) Prof Madya Dr Mahmud Hj Sudin berterima kasih

kepada kira-kira 70 hadirin yang sebahagian besarnya terdiri dari bekas pelajar UMS serta beberapa ketua Jabatan dalam UMS sendiri.

Katanya, majlis itu sebagai mengorak langkah khususnya di awal tahun baru 2014 ini dengan tujuan utamanya menghimpunkan para alumni terutamanya di kalangan alumni yang sedang bertugas dalam UMS sendiri.

Konsep ‘mingle standing’ memberi ruang dan peluang untuk mereka berinteraksi dengan lebih santai dan terbuka secara berdiri.

“Saya berterima kasih kepada pihak pengurusan universiti khususnya Naib Canselor dan juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), warga universiti, serta para alumni atas restu, sokongan dan kerjasama yang diberikan.

Adalah menjadi harapan kita

agar segala inisiatif yang kita langsungkan terus mendapat sokongan berterusan.

“Banyak lagi aktiviti yang bakal dianjurkan yang sudah dirancang dalam takwim 2014 ini ke arah mengesan dan mempersatu alumni UMS,” katanya.

Beliau turut menggesa agar alumni sentiasa berhubung atau mengikuti perkembangan Pusat Alumnim melalui Facebook maupun portal utama UMS.

Majis itu diserikan dengan pemyampaian cendera kenangan oleh Pengarah Pusat Alumni Lt Kol Prof Madya Dr Mahmud Hj Sudin kepada Prof Madya Datuk Dr Kassim Hj Mansor, TNC HEPA yang mewakili Naib Canselor UMS.

Turut diadakan pemberian cenderamata kepada yang hadir, jamuan ringan, pameran pusat alumni dan karaoke santai.